

sihat

Oleh SITI AIRUNNISA ALAU
airunnisa.alau@puff.com.my



Hak seksual untuk penghidap autisme

TANPA disedari selain kepentingan komunikasi yang betul ketika berdepan dengan penghidap autisme, golongan itu juga turut melalui fasa perkembangan keinginan seksual yang harus dititikberatkan.

Faham atau tidak, kanak-kanak seawal tiga tahun juga sudah memahami apa itu keinginan seksual. Jadi, cabaran ibu bapa yang memiliki anak-anak autisme bermula ketika ini agar mereka dapat memahami tentang perkara berkenaan.

Dalam konteks berkenaan, penyampaian pendidikan seks pada peringkat awal kepada penghidap autisme membantu mereka menguruskan perkembangan dan keinginan seksual dengan lebih baik dan terurus.

Menurut Pensisarah dan Pakar Kanak-Kanak Hospital Counselor Tuniku Mukhriz, Pusat Perubatan UKM (HCTM) PPUKMD, Dr. Norazlin Kamal Nor, pendidikan seks perlu diberi sebelum kanak-kanak itu memasuki fasa akal baligh kerana langkah itu dapat membantu mereka lebih mudah faham.

Jelasnya, golongan berkenaan merupakan golongan yang paling mudah menjadi mangsa penderaan seksual, eksploitasi dan serangan berkaitan seksual

kerana mereka sukar membezakan antara keinginan dan kesalahan.

"Golongan autisme berhak mendapat hak seksual sewajarnya dan ibu bapa perlu memberi pendidikan seks kepada mereka pada tahap umur yang sesuai dan perlu lebih prihatin tentang soal ini agar



DR. NORAZLIN KAMAL NOR

anak mereka tidak berdepan dengan kecelaruan selain berdepan tindakan salah laku.

"Jika penjaga merasakan onani itu dapat mengurangkan kekeliruan keinginan seksual yang berlaku, tiada salahnya untuk mereka berbuat demikian, namun ia harus berlaku dengan pemantauan.

"Hakikatnya mereka juga mempunyai keinginan yang sama, namun mereka lebih sukar untuk mengendalikannya

berkenaan berbanding orang biasa kerana tidak memahami isyarat sosial seperti golongan tipikal (orang normal)," katanya.

Menyebut soal memberikan pendidikan seks kepada anak-anak autisme pada usia awal mungkin kedengaran mudah, namun hakikatnya tidak semudah yang disangka kerana pendekatan yang digunakan haruslah mudah agar mereka tidak terkeliru.

Selangkan memberi tunjuk ajar perkara asas seperti mendengar arahan dengan baik sudah cukup mencabar, apatah lagi untuk menerangkan perkara-perkara berkaitan perasaan dan keinginan seksual, yang merupakan isu agak sensitif serta segan dibicarakan secara terbuka.

Dalam pada itu, Ketua Psikologi Oasis Place Malaysia, Tan Cheng Yi berkata, ibu bapa harus memberi pendidikan seks dengan pelbagai cara berbanding menggunakan penerangan biasa agar mereka lebih tertarik untuk memahami, seperti menggunakan gambar atau dalam bentuk video mudah.

Akumnya, biar pun tahap keupayaan berfikir kanak-kanak autisme berada pada tahap paling rendah sekali pun, golongan autisme masih boleh memahami setiap ajaran yang diterangkan dengan baik serta secara berulang-ulang.

"Terangkan pada mereka

tentang kesedaran tubuh badan mereka. Adakah anak-anak mengenali setiap anggota badan sama ada anggota badan peribadi atau am serta tertib menyentuh selain elak menggunakan

perkataan seperti bunga, burung, nasi lemak, batang untuk alat kelamin," jelasnya.

Selain itu, amat penting untuk ibu bapa memberi maklumat yang betul kepada anak-anak

berkenaan, agar faham sedikit demi sedikit tentang perkembangan seksual mereka.

Ia mungkin boleh bermula dengan memberi pengetahuan tentang perbezaan ruang peribadi atau ruang umum untuk elak salah faham masyarakat apabila mereka berdepan dengan pengurusan keinginan seksual.

"Misalnya, untuk membuang air kecil perlu ke tandas tidak kira ketika darurat atau tidak.

"Namun, tiba-tiba ada ketika kita membenarkan mereka berbuat demikian di bawah pokok atau di tepi longkang, menyebabkan pemahaman mereka terkeliru antara ruang peribadi dan ruang umum," jelasnya.



TAN CHENG YI

berkenaan, agar faham sedikit demi sedikit tentang perkembangan seksual mereka.

Ia mungkin boleh bermula dengan memberi pengetahuan tentang perbezaan ruang peribadi atau ruang umum untuk elak salah faham masyarakat apabila mereka berdepan dengan pengurusan keinginan seksual.

"Misalnya, untuk membuang air kecil perlu ke tandas tidak kira ketika darurat atau tidak.

"Namun, tiba-tiba ada ketika kita membenarkan mereka berbuat demikian di bawah pokok atau di tepi longkang, menyebabkan pemahaman mereka terkeliru antara ruang peribadi dan ruang umum," jelasnya.

tentang kesedaran tubuh badan mereka. Adakah anak-anak mengenali setiap anggota badan sama ada anggota badan peribadi atau am serta tertib menyentuh selain elak menggunakan

perkataan seperti bunga, burung, nasi lemak, batang untuk alat kelamin," jelasnya.

Selain itu, amat penting untuk ibu bapa memberi maklumat yang betul kepada anak-anak

berkenaan, agar faham sedikit demi sedikit tentang perkembangan seksual mereka.

Ia mungkin boleh bermula dengan memberi pengetahuan tentang perbezaan ruang peribadi atau ruang umum untuk elak salah faham masyarakat apabila mereka berdepan dengan pengurusan keinginan seksual.

"Misalnya, untuk membuang air kecil perlu ke tandas tidak kira ketika darurat atau tidak.

"Namun, tiba-tiba ada ketika kita membenarkan mereka berbuat demikian di bawah pokok atau di tepi longkang, menyebabkan pemahaman mereka terkeliru antara ruang peribadi dan ruang umum," jelasnya.

tentang kesedaran tubuh badan mereka. Adakah anak-anak mengenali setiap anggota badan sama ada anggota badan peribadi atau am serta tertib menyentuh selain elak menggunakan

perkataan seperti bunga, burung, nasi lemak, batang untuk alat kelamin," jelasnya.

Selain itu, amat penting untuk ibu bapa memberi maklumat yang betul kepada anak-anak

berkenaan, agar faham sedikit demi sedikit tentang perkembangan seksual mereka.

Ia mungkin boleh bermula dengan memberi pengetahuan tentang perbezaan ruang peribadi atau ruang umum untuk elak salah faham masyarakat apabila mereka berdepan dengan pengurusan keinginan seksual.

"Misalnya, untuk membuang air kecil perlu ke tandas tidak kira ketika darurat atau tidak.

"Namun, tiba-tiba ada ketika kita membenarkan mereka berbuat demikian di bawah pokok atau di tepi longkang, menyebabkan pemahaman mereka terkeliru antara ruang peribadi dan ruang umum," jelasnya.

TIP


DAVIDA Hartman, penulis buku *Sexuality and Relationship Education for Children and Adolescents with Autism Spectrum Disorders* berkongsi tip bagi memberi sokongan kepada anak autisme melalui tempoh akal baligh dan remaja.

● **Bersiap-sedia**
Walaupun kanak-kanak autisme mungkin mengalami perkembangan yang agak lewat dalam pelbagai aspek, mereka juga akan melalui tempoh akal baligh dan keremajaan sama seperti orang lain. Ia adalah normal, tetapi dalam hal ini mereka memerlukan sokongan tambahan disebabkan kesukaran memahami peraturan sosial berbanding kanak-kanak lain.

● **Bermula Awal**
Kanak-kanak autisme berhadapan kesukaran biarpun pada perubahan kecil dalam kehidupan mereka. Proses belajar bagi mereka sesuatu yang rumit dan membingungkan, terutama berkaitan dengan kemahiran sosial. Jadi, seboleh mungkin boleh mula ajar seawal mungkin.

● **Beri maklumat jelas dan tenang**
Gunakan nada suara yang positif. Jangan beri maklumat terlalu banyak dengan bahasa yang sukar. Bantu maklumat tersebut dengan gambar atau apa saja yang berkesan untuk kanak-kanak. Gunakan istilah yang konkrit dan betul.

● **Ajar perbezaan antara untuk umum dan untuk peribadi (public and private)**
Semua kanak-kanak perlu belajar perbezaan antara hal umum dan peribadi, meliputi tempat, anggota badan, perbuatan dan tingkah laku. Mengetahui tentang perbezaan ini membantu kanak-kanak berkelakuan mengikut cara sepatutnya.



Di Barat terdapat banyak bahan bacaan dan maklumat pendidikan seksual dalam kalangan remaja autisme. - Gambar hiasan

Pembetulan

MERUIJK artikel *Remaja autisme juga ada nafsu* pada siri kedua yang disiarkan pada minggu lalu, terdapat pembetulan pada kenyataan. "Yuri Azzari Yuri Zaharin tidak pandu melukis", sepatutnya dibaca sebagai, "Yuri Azzari merupakan pelukis berbakat, tetapi hanya tidak mahir melukis figura manusia."

